



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

USAHAWAN SISWA

MEMETA HALUAN, MELAKAR JAYA





KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

MEMETA HALUAN, MELAKAR JAYA

USAHAWAN SISWA

Hak Cipta Penerbit UMK 2021

Hak cipta adalah terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanikal, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa mendapat izin daripada Penerbit UMK, Institut Keusahawanan Universiti Malaysia Kelantan (UMKEI) dan Kementerian Pengajian Tinggi.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Nik Maheran Nik Muhammad, Prof., Dr., 1966-

USAHAWAN SISWA : MEMETA HALUAN, MELAKAR JAYA / Ketua Pengarang Prof. Dr. Nik Maheran Nik Muhammad;

Penolong Pengarang Dr. Mohd Zabri Yusof, Prof. Madya Dr. Mohammad Ismail, En. Fazli Said.

ISBN 978-967-2912-70-5

1. Entrepreneurship.

2. Business enterprises.

3. Young businesspeople--Anecdotes.

4. Government publications--Malaysia.

I. Mohd. Zabri Yusof, Dr. II. Mohammad Ismail, Prof. Madya, Dr. III. Fazli Said. IV. Judul.

338.04

Diterbitkan oleh

Penerbit UMK
Pejabat Perpustakaan dan Pengurusan Ilmu
Universiti Malaysia Kelantan
16300 Bachok, Kelantan

Institut Keusahawanan Universiti Malaysia Kelantan (UMKEI)
Universiti Malaysia Kelantan
16100 Kota Bharu, Kelantan

Dengan kerjasama

Kementerian Pengajian Tinggi
No. 2, Tower 2, Jalan P5/6, Presint 5,
62200 Putrajaya, Malaysia

Rekabentuk oleh

Hazuandy Hassan

Dicetak oleh

Reka Cetak Sdn. Bhd.,
No. 12 & 14, Jalan Jemuju Empat 16/13D,
Seksyen 16, 40200 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI





ISI KANDUNGAN

xiii TINTA HARAPAN
MENTERI PENGAJIAN TINGGI

xiv BICARA ILHAM
KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

xv INSPIRASI KEUSAHAWANAN

xvi SIDANG PENGARANG

xviii KATA PENGANTAR

MAKANAN & MINUMAN

2 KING ODEN:
DARI KIOSK KE KILANG
Prof. Madya Dr. Mohammad Ismail, Prof. Dr. Nik Maheran Nik Muhammad
Universiti Malaysia Kelantan

10 AB CHOCOJAR:
DEKATI PENGGEMAR SNEK MAKANAN RINGAN
En. Muhammad Nabil Jamaludin, Dr. Anuar Sani
Universiti Sains Islam Malaysia

16 FARAH JK EMPIRE:
KEUNIKAN SERBUK ASAM HOMEMADE & JERUK MANGGA KETAGIH
En. Muhammad Nabil Jamaludin, Dr. Anuar Sani
Universiti Sains Islam Malaysia

22 ABRIS BREAD:
ROTI KERING 'ROTI LUTUT' LARIS DI PASARAN
Pn. Sarina Abdul Rani
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia

28 SINTOKYO SUSHI:
DARI TOKYO KE SINTOK
Dr. Wan Norhayati Wan Ahmad, Dr. Saiful Azizi Ismail,
Prof. Dr. Chandrakantan Subramaniam, Cik Fatin Athirah Fadzillah
Universiti Utara Malaysia



34

**HASH CREAM:
TAMPILKAN KEUNIKAN AIS KRIM KELANTAN**

*Cik Zaizulhizma Salleh, En. Wan Mohd Amirul Hafiz Wan Abu Bakar
Universiti Malaysia Terengganu*

38

**BAKERY WMH ENTERPRISE:
AURA USAHAWAN OKU PENUHI PERMINTAAN PASARAN**

*Pn. Rabiatul Adawiyah Ismail, En. Nor Haizan Mehat,
Pn. Norhaslynda Amat Kamisan, En. Azizee Aziz
Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin*

44

**ZAHEMAS UTARA ENTERPRISE:
KEUNIKAN AROMA KOPI SEGERA**

*Pn. Noraini Hashim, En. Mohamad Ali Hamzah
Politeknik Sultan Azlan Shah*

50

**MAMA FOOD:
PRODUK TRADISIONAL CITARASA NASIONAL.**

*Dr. Ros Aniza Mohd Shariff, Dr. Rozailin Abd. Rahman, Dr. Mohd Armi Abu Samah,
Dr. Ahmad Fahmi Harun@Ismail
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia*

56

**KAFE THE LAYERS:
DAYA TARIKAN BERKONSEPKAN HIPSTER**

*Sr. Ts. Siti Hafsa Zulkarnain
Universiti Teknologi MARA*

62

**PBC EMPIRE VENTURE:
BANANA CHEESE BERVARIASI PILIHAN KOMUNITI KAMPUS**

*Prof. Madya Dr. Zulnaidi Yaacob, En. Hazlan Abdul Hamid,
Pn. Puteri Salamah Abdul Aziz
Universiti Sains Malaysia*

KOSMETIK & KESIHATAN

70

**ZILLA'S LIPS:
HASILKAN PRODUK PENJAGAAN BIBIR SENSITIF**

*Dr. Norazirah Ayob, En. Ahmad Syubaili Mohamed
Universiti Malaysia Sarawak*



76

**SCHA AISYAH BEAUTY:
KETENGAHKAN PRODUK SKINCARE WARISAN KELUARGA**

*Cik Nur Nabihah Annuar, Dr. Umi Kartini Rashid, Dr. Mohd Yussni Hashim,
Ts. Dr. Mohd Arif Rosli*
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

82

**PANTANG PLUS:
KEUNIKAN SENI MODEN PENJAGAAN IBU BERPANTANG**

Sr. Ts. Siti Hafsa Zulkarnain
Universiti Teknologi MARA

88

**BEYO BEAUTY:
ILTIZAM GADIS BERKERJAYA MEMILIH BIDANG KEUSAHAWANAN**

Prof. Madya Dr. Mass Hareeza Ali @ Hamid
Universiti Putra Malaysia

TEKNOLOGI, FOTOGRAFI DAN AUDIOGRAFI

96

**QALYMA GLOBAL:
MELESTARIKAN MASYARAKAT CELIK AL-QURAN**

Pn. Azila Baharuddin, Pn. Mahanom Ismail
Kolej Komuniti Kuala Langat

104

**BANGSAWAN PICTURES:
MARTABATKAN INDUSTRI SENI KREATIF**

Prof. Madya Ts. Dr. Hadi Manap, Pn. Noor Syahidah Sabran
Universiti Malaysia Pahang

110

**THE PINO PRODUCTION:
USAHAWAN DIGITAL**

*Dr. Sharul Effendy Janudin, Dr. Siti Asma' Mohd Rosdi,
Dr. Noor Anida Zaria Mohd Noor, Dr. Noraine Salleh Hudin*
Universiti Pendidikan Sultan Idris

116

**S PRODUCTION:
BERMULA DARI HOBI MENJADI USAHAWAN KREATIF**

*Dr. Sharul Effendy Janudin, Dr. Siti Asma' Mohd Rosdi,
Dr. Noor Anida Zaria Mohd Noor, Dr. Noraine Salleh Hudin*
Universiti Pendidikan Sultan Idris



122

**MITEZ SOLUTIONS:
PEMBANGUNAN SISTEM APLIKASI & LAMAN WEB**

En. Adi Aliffudin Hussin
Universiti Sultan Zainal Abidin

128

**ExAR TECHNOLOGIES:
PERISIAN IMEJ AUGMENTED REALITY (AR)**

En. Muhammad Nabil Fikri Yahaya, Dr. Abdul Rashid Husain
Universiti Teknologi Malaysia

134

**KL ETERNITY ENTERPRISE:
KETENGAHKAN INOVASI DAN NILAI TAMBAH TEKNOLOGI
PERCETAKAN 3D**

*Prof. Madya Dr. Zulnaidi Yaacob, En. Hazlan Abdul Hamid,
Pn. Puteri Salamah Abdul Aziz*
Universiti Sains Malaysia

PERKHIDMATAN

142

**IBUPRENEUR:
PLATFORM PEMASARAN KEK DAN PASTRI DALAM TALIAN**

*Cik Fatin Athirah Fadzillah, Prof. Dr. Chandrakantan Subramaniam,
Dr. Saiful Azizi Ismail, Dr. Wan Norhayati Wan Ahmad*
Universiti Utara Malaysia

148

**GETRUNNER:
MENEROKAI PASARAN P-HAILING TEMPATAN**

En. Adi Aliffudin Hussin
Universiti Sultan Zainal Abidin

154

**JETHRO DETAILING ENTERPRISE:
USAHAWAN PERINCIAN KERETA DAN BOT MEWAH**

Dr. Aida Shafreena Ahmad Puad, Dr. Norazirah Ayob, Cik Jessica Rinny Meting
Universiti Malaysia Sarawak

160

**LK LEGACY:
TEKAD DI ERA PANDEMIK COVID-19**

Dr. Nor Hanuni Ramli@Said, Ts. Dr. Noorhuzaimi@Karimah Mohd Noor
Universiti Malaysia Pahang



166

**MA AUTOMOBILE:
MERANGKUL ANUGERAH TERBAIK PENGEDAR KERETA BARU &
TERPAKAI**

En. Mohamad Ali Hamzah,
Politeknik Premier Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah

172

**ARAGORN RICH:
PLATFORM PENGURUSAN SISA MAKANAN**

*Dr. Ros Aniza Mohd Shariff, Dr. Rozailin Abdul Rahman, Dr. Mohd Armi Abu Samah,
Dr. Ahmad Fahmi Harun@Ismail*
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

PERUNCITAN

180

**THE KACAK iPHONE & KASUT BOLA:
DARI PENDAPATAN SAMPINGAN KE PREMIS PERNIAGAAN**

*Cik Mazria Azira Azizu Rahman, Prof. Madya Ts. Dr. Shafriza Nisha Basah,
En. Hasrul Nizam Halim*
Universiti Malaysia Perlis

186

**SBS AGROTERNAK:
MENDOMINASI PASARAN MAKANAN TERNAKAN HAIWAN**

*Cik Mazria Azira Azizu Rahman, Prof. Madya Ts. Dr. Shafriza Nisha Basah,
En. Hasrul Nizam Halim*
Universiti Malaysia Perlis

192

**TOKKK MUNGG BUNDLE:
DARI JORDAN HINGGA MALAYSIA**

*Dr. Muhamad Azry Khoiry, En. Muhammad Adam Haqeemi Khairul Azhar,
Cik Siti Suryani Mat Nasit*
Universiti Kebangsaan Malaysia

200

**MANIR STORE: AKSESORI TELEFON PINTAR & PEMBEKAL
PERALATAN HAIWAN PELIHARAAN**

*Cik Nur Nabihah Annuar, Dr. Umi Kartini Rashid, Dr. Mohd Yussni Hashim,
Ts. Dr. Mohd Arif Rosli*
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

206

**BUY STATIONERY:
PEMASARAN ALAT TULIS DAN BUKU SECARA ATAS TALIAN**

Cik Zaizulhizma Salleh, En. Wan Mohd Amirul Hafiz Wan Abu Bakar
Universiti Malaysia Terengganu



210

**SYAHIRAN GLOBAL RESOURCES:
AYAM 'GUNTING' HASIL LADANG TERNAKAN SENDIRI**

*Prof. Madya Dr. Mass Hareeza Ali @ Hamid
Universiti Putra Malaysia*

KREATIF & TEKSTIL

218

**DWANS COLLECTION:
REKAAN PAKAIAN KONTEMPORARI**

*Prof. Dr. Nik Maheran Nik Muhammad, Prof. Madya Dr. Mohammad Ismail,
Dr. Tengku Mohd Azizuddin Tuan Mahmood
Universiti Malaysia Kelantan*

226

**HIJANAH HAUL:
TAMPILKAN BUSANA MUSLIMAH PATUH SYARIAH**

*Dr. Muhamad Azry Khoiry, En. Amirul Farhan Ismadi,
Cik Siti Suryani Mat Nasit
Universiti Kebangsaan Malaysia*

234

**PLNT. CO:
SENTUHAN AURA POSITIF SENI HIASAN DALAMAN**

*Dr. Mohd Amin Mohamad, En. Muhammad Firdaus Abu Hassan,
En. Muhammad Rahmat Ismail
Universiti Teknikal Malaysia Melaka*

240

**BINAMODERN ENTERPRISE:
HASILKAN KARYA SENI PERABOT MODEN**

*Dr. Mohd Amin Mohamad, En. Muhammad Firdaus Abu Hassan,
En. Muhammad Rahmat Ismail
Universiti Teknikal Malaysia Melaka*

246

**MEYZAH JAMAL COUTURE:
JAHITAN TRADISIONAL DAN MODEN**


*Pn. Najmiah Mohd Nor, Pn. Suzlina@Norhidayat Abdul Razak,
Pn. Siti Norafizah Ab Aziz, Cik Jamilah Esmail@Ismail
Kolej Komuniti Pasir Gudang*

252

PENGHARGAAN

253

INDEKS



“ Anak muda kita akan menjadi pemimpin Keluarga Malaysia pada masa hadapan. Oleh itu, mereka perlu terus dibimbing dan diberi sokongan untuk bersama mencorak masa depan Malaysia. ”

***YAB Dato' Sri Ismail Sabri Bin Yaakob
Perdana Menteri Malaysia***



NORAINI

Tinta Harapan

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Keusahawanan merupakan aspek penting dan pemangkin kepada pembangunan ekonomi sesebuah negara. Keusahawanan juga berupaya meningkatkan taraf hidup masyarakat dan mencipta kekayaan serta peluang pekerjaan. Dalam usaha untuk melahirkan lebih ramai usahawan dalam kalangan mahasiswa di institusi pengajian tinggi dan menerapkan nilai-nilai keusahawanan, para mahasiswa perlu diberi pengetahuan melalui perkongsian sebenar tentang dunia perniagaan.

Justeru, buku *Usahawan Siswa: Memeta Haluan, Melakar Jaya* ini dapat di dimanfaatkan sepenuhnya oleh pelajar dan usahawan pelajar kerana kesemua usahawan pelajar berkongsi bukan setakat kejayaan tetapi juga cabaran dan liku-liku yang dihadapi oleh mereka dalam menjalankan perniagaan. Penghasilan buku yang berkonsepkan kajian kes ini diharap di dimanfaatkan sebaik mungkin bukan sahaja untuk panduan usahawan pelajar malahan juga dalam sesi pengajaran dan pembelajaran.

Buku ini juga akan menjadi panduan asas kepada mana-mana pelajar untuk menceburi bidang keusahawanan semasa dalam pengajian atau selepas menamatkan pengajian masing-masing. Setiap kisah yang dikongsi merangkumi pelbagai bidang perniagaan sudah tentu akan dapat memberi ilham dan panduan yang sangat signifikan agar usahawan pelajar yang ingin menceburi bidang perniagaan yang sama tidak melakukan kesilapan yang serupa. Selain itu, kisah-kisah kejayaan juga sudah tentu akan memberi inspirasi kepada usahawan pelajar untuk mengikuti jejak langkah yang sama bahkan berupaya melakukan sesuatu yang lebih baik. Kejayaan mereka dalam menjalankan perniagaan diharap bukan sahaja dapat memberi manfaat kepada diri mereka sendiri tetapi juga dapat meningkatkan ekonomi keluarga dan menaikkan nama institusi pengajian tinggi masing-masing.

Institusi pengajian tinggi juga perlu memainkan peranan proaktif dan sentiasa berusaha untuk melahirkan lebih ramai lagi usahawan dalam kalangan pelajar terutamanya usahawan yang berfokuskan inovasi dan digital. Ini adalah bertepatan dengan aspirasi kerajaan agar melalui keusahawanan ini akan melahirkan lebih ramai pencipta kerjaya yang berupaya mencipta lebih banyak peluang pekerjaan kepada masyarakat. Kisah-kisah usahawan pelajar ini diharap akan dapat membangkitkan semangat mahasiswa agar lebih kreatif, cekal dan berdaya saing dalam menjalankan perniagaan semasa mereka berada di kampus atau selepas tamat pengajian di institusi pengajian tinggi.

Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Jawatankuasa Penulisan buku *Usahawan Siswa: Memeta Haluan, Melakar Jaya* iaitu unit keusahawanan bahagian dasar KPT dan pasukan editorial daripada Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Tahniah dan syabas!

Dr. Noraini Ahmad
Menteri Pengajian Tinggi



Bicara Ilham

Assalamualaikum w.b.t. dan salam sejahtera kepada semua.

Salah satu misi teras Kementerian Pengajian Tinggi adalah memastikan siswazah mendalami dan menghayati semangat keusahawanan. Kementerian juga sentiasa berusaha untuk mewujudkan Ekosistem keusahawanan holistik akan dapat melahirkan lebih ramai mahasiswa yang berhasrat untuk terlibat dalam keusahawanan sebagai pilihan kerjaya utama mereka. Untuk tujuan itu, pihak Kementerian melalui unit keusahawanan, bahagian dasar KPT mengilhamkan agar kisah-kisah kejayaan dan liku-liku yang dihadapi oleh usahawan pelajar atau usahawan graduan dibukukan untuk menjadi rujukan dan panduan kepada semua mahasiswa institusi pengajian tinggi.

Justeru daripada ilham tersebut maka lahirlah buku *Usahawan Siswa: Memeta Haluan, Melakar Jaya*. Buku yang berkonsepkan kajian kes digarap dengan gaya penceritaan dan penulisan santai agar mudah difahami dan lebih dekat di hati pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi. Melalui buku tersebut, usahawan pelajar atau usahawan graduan berkongsi bagaimana mereka mula bertapak dalam dunia perniagaan, liku-liku dan cabaran yang dihadapi dan intipati resepi kejayaan mereka dalam menjalankan perniagaan mereka.

Sudah tiba masanya untuk siswazah mempunyai kemahiran dan pengetahuan yang jitu dalam keusahawanan seterusnya menjadikan keusahawanan sebagai pilihan. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih bagi pihak Kementerian Pengajian Tinggi kepada semua penulis yang mewakili institusi pengajian tinggi masing-masing, unit keusahawanan KPT dan pasukan editorial yang diketuai oleh Prof. Dr. Nik Maheran Nik Muhammad, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Universiti Malaysia Kelantan atas komitmen dan dedikasi dalam menghasilkan buku kisah usahawan mahasiswa sebagai sumber rujukan kepada semua IPT. Saya pasti dengan semangat kerja berpasukan dan komitmen yang ditunjukkan, kita akan dapat menghasilkan sesuatu yang lebih besar pada masa akan datang.

Wassallam

Dr. Mazlan Yusoff
Ketua Setiausaha
Kementerian Pengajian Tinggi

Inspirasi **KEUSAHAWANAN**

“Pendedahan mahasiswa IPT dalam bidang keusahawanan bukan sahaja mampu memperkasakan kebolehpasaran graduan dengan pengetahuan meluas malah mampu meningkatkan pembangunan ekonomi tempatan selain membantu kadar pengangguran dalam kalangan mahasiswa. Pengalaman inilah yang menjadikan nilai tambah kepada mahasiswa terus melakar kejayaan dalam menghadapi dunia sebenar setelah bergraduati”

Dr. Mohd Zabri Yusoff
Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar)
Kementerian Pengajian Tinggi



“KPT telah berjaya mencapai hasrat melahirkan graduan pencipta kerjaya yang menjadi salah satu agenda utama pendidikan dalam keusahawanan. Hasil inisiatif dan program-program dijalankan oleh pihak Universiti, Politeknik dan Kolej Komuniti masing-masing telah mendorong minat mahasiswa untuk menjadi seorang usahawan berjaya”

Prof. Dato' Dr. Husaini Omar
Ketua Pengarah
Kementerian Pengajian Tinggi

“Pihak Universiti telah membuka seluasnya peluang dan ruang kepada mahasiswa dalam menggilap potensi diri menjadi seorang usahawan. Kejayaan-kejayaan yang diraih usahawan pelajar dan graduan mampu memberi sumber inspirasi kepada mahasiswa lain untuk meneroka bidang keusahawanan yang dikatakan sebagai satu kerjaya pilihan”

Prof. Dr. Nik Maheran Nik Muhammad
Ketua Pengarang



SIDANG PENGARANG

KETUA PENGARANG

Prof. Dr. Nik Maheran Nik Muhammad
Universiti Malaysia Kelantan

PENOLONG PENGARANG

Dr. Mohd Zabri Yusoff
Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia

Prof. Madya Dr. Mohammad Ismail
Universiti Malaysia Kelantan

En. Fazli Said
Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia

PENGARANG BERSAMA

Universiti Malaysia Kelantan

Prof. Dr. Nik Maheran Nik Muhammad
Prof. Madya Dr. Mohammad Ismail
Dr. Tengku Mohd Azizuddin Tuan Mahmood

Universiti Sains Islam Malaysia

En. Muhammad Nabil Jamaludin
Dr. Anuar Sani

Universiti Utara Malaysia

Dr. Wan Norhayati Wan Ahmad
Dr. Saiful Azizi Ismail
Prof. Dr. Chandrakantan Subramaniam
Cik Fatin Athirah Fadzillah

Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

Dr. Ros Aniza Mohd Shariff
Dr. Rozailin Abd. Rahman
Dr. Mohd Armi Abu Samah
Dr. Ahmad Fahmi Harun @ Ismail

Universiti Malaysia Terengganu

Cik Zaizulhizma Salleh
En. Wan Mohd Amirul Hafiz Wan Abu Bakar

Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin

Pn. Rabiatul Adawiyah Ismail
En. Nor Haizan Mehat
Pn. Norhaslynda Amat Kamisan
En. Azizee Aziz

Universiti Pertahanan Nasional Malaysia

Pn. Sarina Abdul Rani

Politeknik Sultan Azlan Shah

Pn. Noraini Hashim
En. Mohamad Ali Hamzah

Universiti Sains Malaysia

Prof. Madya Dr. Zulnaidi Yaacob
En. Hazlan Abdul Hamid
Pn. Puteri Salamah Abdul Aziz

Universiti Malaysia Sarawak

Dr. Norazirah Ayob
En. Ahmad Syubaili Mohamed
Dr. Aida Shafreena Ahmad Puad
Cik Jessica Rinny Meting

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Cik Nur Nabihah Annuar
Dr. Umi Kartini Rashid
Dr. Mohd Yussni Hashim
Ts. Dr. Mohd Arif Rosli

Kolej Komuniti Kuala Langat

Pn. Azila Baharuddin
Pn. Mahanom Ismail

Universiti Pendidikan Sultan Idris

Dr. Sharul Effendy Janudin
Dr. Siti Asma' Mohd Rosdi
Dr. Noor Anida Zaria Mohd Noor
Dr. Noraine Salleh Hudin

Politeknik Premier Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah

En. Muhammad Asyraf Mohd Zain
En. Mohamad Ali Hamzah

Universiti Malaysia Perlis

Cik Mazria Azira Azizu Rahman
Prof. Madya Ts. Dr. Shafriza Nisha Basah
En. Hasrul Nizam Halim

Universiti Kebangsaan Malaysia

Dr. Muhamad Azry Khoiry
En. Amirul Farhan Ismadi
Cik Siti Suryani Mat Nasit
En. Muhammad Adam Haqeeemi Khairul Azhar

Universiti Malaysia Pahang

Prof. Madya Ts. Dr. Hadi Manap
Pn. Noor Syahidah Sabran
Dr. Nor Hanuni Ramli @ Said
Ts. Dr. Noorhuzaimi @ Karimah Mohd Noor

Universiti Sultan Zainal Abidin

En. Adi Aliffudin Hussin

Universiti Putra Malaysia

Prof. Madya Dr. Mass Hareeza Ali @ Hamid

Universiti Teknologi MARA

Sr. Ts. Siti Hafsah Zulkarnain

Universiti Teknologi Malaysia

En. Muhammad Nabil Fikri Yahaya
Dr. Abdul Rashid Husain

Kolej Komuniti Pasir Gudang

Pn. Najmiah Mohd Nor
Pn. Suzlina @ Norhidayat Abdul Razak
Pn. Siti Norafizah Ab Aziz
Cik Jamilah Esmail @ Ismail

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

Dr. Mohd Amin Mohamad
En. Muhammad Firdaus Abu Hassan
En. Muhammad Rahmat Ismail

Unit Keusahawanan**Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Dasar
Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia**

Hazlin Selamat
Muhammad Dehya Zainal Azlan
Nurakmar Abdul Rashid
Fasihah Azhar

KATA PENGANTAR

Selayang Pandang

Pembentukan masyarakat Malaysia yang memiliki pemikiran keusahawanan merupakan antara faktor pemangkin yang berupaya untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara keusahawanan yang unggul menjelang tahun 2030, seperti yang dihasratkan oleh Dasar Keusahawanan Nasional (DKN) 2030. Peranan besar dan penting ini merupakan sebahagian daripada tanggungjawab Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) selaku entiti yang bertanggungjawab untuk menghasilkan bakat terutamanya dalam bidang-bidang berkemahiran tinggi.

Dalam konteks sektor pengajian tinggi, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 – 2025 (Pendidikan Tinggi) menekankan kepentingan untuk melahirkan graduan yang holistik, berciri keusahawanan dan seimbang menerusi lonjakan pertama daripada 10 lonjakan yang digariskan oleh Pelan tersebut. Selain itu, Dasar Keusahawanan IPT yang diperkenalkan sejak tahun 2010, juga meletakkan usaha untuk menganjak minda para pelajar IPT daripada hanya berfikir untuk bekerja dengan majikan selepas menamatkan pengajian kepada graduan yang berkecimpung dalam arena keusahawanan dan menjadi pencipta pekerjaan atau 'job creator' dengan menawarkan peluang pekerjaan kepada individu lain setelah perniagaan mereka berjaya.

Namun begitu, terdapat segelintir graduan menganggap keusahawanan sebagai kerjaya pilihan terakhir mereka sedangkan sebaliknya, harus ada jalan alternatif lain yang perlu diambil, lebih-lebih lagi dalam melengkapkan diri berdepan dengan situasi semasa yang penuh cabaran, pesaing yang ramai, peluang penempatan perkerjaan yang terhad, dan isu pengangguran yang tidak berkesudahan. Bahkan, ada antara graduan terlepas pandang yang mereka sebenarnya berpotensi dan berkemahiran untuk mencipta kejayaan melalui bidang keusahawanan.

Proaktif terhadap perkara ini dan dalam mendokong hasrat untuk menjadikan Malaysia sebagai negara keusahawanan yang unggul, KPT telah melaksanakan pelbagai

inisiatif demi menggalakkan lebih ramai lagi pelajar IPT terlibat secara langsung dalam bidang keusahawanan semasa pengajian. Pelan Tindakan Keusahawanan yang diperkenalkan pada tahun 2013, telah melakar pencapaian yang menyaksikan peningkatan sebanyak lebih 30 peratus penyertaan pelajar dalam program dan aktiviti keusahawanan di IPT. Kejayaan ini menunjukkan komitmen tinggi KPT dalam menyediakan dasar yang berupaya mengubah minda pelajar ke arah berpemikiran keusahawanan.

Di bawah Pelan Tindakan Keusahawanan ini juga, kesemua 20 buah universiti awam termasuk politeknik dan kolej komuniti telah menubuhkan Pusat Keusahawanan. Pusat ini bertanggungjawab untuk merancang, menilai dan memantau pelaksanaan program keusahawanan di institusi masing-masing. Penetapan aspek pembangunan dan pendidikan keusahawanan sebagai satu daripada bidang keutamaan dan petunjuk prestasi utama institusi merupakan manifestasi komitmen pengurusan tertinggi IPT terhadap agenda keusahawanan.

Kecemerlangan pelaksanaan Pelan Tindakan Keusahawanan IPT ini kemudiannya diteruskan dengan penambahbaikan strategi dan inisiatif untuk tempoh 2016 hingga 2020. Pada tahun 2020 sahaja, lebih 68,000 pelajar direkodkan telah menjalankan perniagaan. Daripada jumlah tersebut, hampir 8,000 orang pelajar meneruskan aktiviti perniagaan selepas mereka menamatkan pengajian. Ini jelas membuktikan impak positif daripada pelaksanaan pelan tindakan yang telah dilaksanakan oleh Pusat-pusat Keusahawanan di IPT khususnya dalam meningkatkan kesediaan pelajar untuk menceburi dan memilih bidang keusahawanan sebagai satu kerjaya pilihan.

Sebagai kesinambungan, pelan tindakan bagi tempoh lima (5) tahun seterusnya (iaitu 2021 – 2025) juga telah dibangunkan. Pelan yang dilancarkan oleh YB Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad, Menteri Pengajian Tinggi pada 19 Februari 2021 menggariskan tiga (3) teras, iaitu Ekosistem Keusahawanan Bersinergi; Kolaborasi Berimpak Tinggi; dan Inovasi dan Teknologi Dalam Keusahawanan. Di bawah teras-teras ini, terdapat tujuh (7) strategi dan 28 inisiatif keseluruhannya yang disenaraikan. Modus operandinya adalah untuk meningkatkan lagi penglibatan pelajar dalam bidang keusahawanan.

KATA PENGANTAR

Selain itu, bagi memperkukuh kurikulum bidang keusahawanan, KPT juga telah melancarkan Garis Panduan Pendidikan Keusahawanan Bersepadu atau MOHE Guide To Entrepreneurship Integrated Education yang memfokuskan kepada lima (5) strategi dan 33 inisiatif sebagai panduan utama IPT dalam membangunkan kurikulum keusahawanan. Kedua-dua naskhah strategik ini menjadi rujukan induk IPT dalam memperkukuh lagi ekosistem keusahawanan, seterusnya menjadi satu daripada pemangkin untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara keusahawanan.

Menerusi strategi dan inisiatif pembangunan usahawan yang dilaksanakan oleh KPT dan IPT sejak lebih satu dekad yang lalu, sejumlah besar usahawan pelajar dan graduan dalam pelbagai bidang telah berjaya dilahirkan. Variasi bidang ini termasuklah makanan dan minuman; perkhidmatan; kosmetik dan kesihatan; teknologi, fotografi dan audiografi; peruncitan; serta bidang kreatif dan tekstil. Pengetahuan “tacit” yang diperoleh oleh usahawan pelajar dan graduan ini sepanjang upaya untuk mengecapi apa yang mereka ada pada hari ini merupakan aset berharga yang perlu didendang kepada khalayak, terutamanya para pelajar yang ingin berkecimpung dalam arena ini.

Justeru, bagi menyebarkan luas kepentingan dan manfaat bidang keusahawanan dalam membantu pelajar menjana pendapatan, seterusnya menjadikan mereka sebagai pencipta pekerjaan, buku “Usahawan Siswa: Memeta Haluan, Melakar Jaya” ini diterbitkan oleh KPT dengan kerjasama Universiti Malaysia Kelantan. Naskhah yang mengiktiraf kejayaan usahawan pelajar dan graduan ini turut meraikan semangat dan kekuatan mereka dalam menghadapi liku-liku dunia perniagaan. Karya ini mengangkat 39 kisah perjalanan perniagaan usahawan pelajar dari 19 buah IPT terpilih sehingga mereka berjaya menempa kejayaan semasa dan selepas pengajian. Naratif eksklusif perjalanan perniagaan figura-figura ini dihipunkan mengikut bidang keusahawanan yang diceburi, iaitu 11 lakaran kejayaan dalam bidang makanan dan minuman; enam (6) lembaran gemilang dalam bidang perkhidmatan; empat (4) citra niaga dalam bidang kosmetik dan kesihatan; tujuh (7) kanvas sukses dalam bidang teknologi, fotografi dan audiografi; enam (6) ceritera unggul dalam bidang peruncitan; dan lima (5) jejak gemilang dalam bidang kreatif dan tekstil.

Hasrat penghasilan wacana ini adalah bagi memberikan motivasi dan inspirasi kepada pelajar dan khalayak pembaca yang berkeinginan untuk menceburi bidang keusahawanan dengan mengangkat catatan perjalanan sebenar usahawan pelajar ke dalam bentuk yang mudah untuk difahami dan dihayati. Satu demi satu lipatan pengalaman digarap agar dapat memberikan pengalaman pembacaan yang lebih nyata dan segar dengan kisah sebenar yang seolah-olah diceritakan sendiri oleh usahawan pelajar tersebut. Semoga dengan penerbitan naskhah ini juga akan mendorong IPT untuk lebih giat lagi melahirkan lebih ramai usahawan muda dalam kalangan pelajar yang mempunyai kualiti daya saing tinggi di samping bersedia menghadapi realiti dunia perniagaan.





MAKANAN & MINUMAN

MAMA FOOD

PRODUK TRADISIONAL CITARASA NASIONAL



الجامعة الإسلامية العالمية ماليزيا
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY MALAYSIA
يُونَيْتِيسِي: اِسْلَامٌ، اِنْبَاءٌ اِجْتِمَاعِيٌّ مِلِّيٌّ

Garden of Knowledge and Virtue

Usahawan

Mohd Naja Nafhan Azman

Penulis

Dr. Ros Aniza Mohd Shariff,
Dr. Rozailin Abd. Rahman,
Dr. Mohd Armi Abu Samah,
Dr. Ahmad Fahmi Harun@Ismail



Usahawan Siswa : Memeta Haluan, Melakar Jaya

Kekuatan tidak datang dari kesempurnaan fizikal seseorang tapi dari semangat dan dorongan dari insan yang kita sayang. Satu jenama produk makanan tradisional berlandaskan kasih sayang dan semangat dari seorang ibu, MAMA FOOD merungkai kisahnya....



PENGASAS MAMA FOOD

Mohd Naja Nafhan Bin Azman atau dikenali sebagai Naja Nafhan, merupakan Mahasiswa Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Beliau baru sahaja berjinak-jinak (Learning Person From Zero) dalam dunia perniagaan makanan bermula pada tahun 2018. Naja Nafhan juga aktif sebagai seorang penggiat seni budaya warisan Johor. Bakat beliau dalam menelusuri alat muzik Gambus telah diasah sejak sekolah rendah oleh almarhum ayah beliau sehingga dinobatkan sebagai Tokoh Siswa Negeri Johor tahun 2020.

Besar matlamat Naja Nafhan dalam bidang perniagaan khususnya “Food & Beverages” ini disebabkan beliau ingin membantu ibunya yang mahir dalam pembuatan makanan tradisional seperti Kuih Bakar, Bahulu, Aneka Kek Lapis, Biskut Raya. Sentuhan ibu memang tidak pernah mengecewakan!, ujanya. Tidak mensia-siakan peluang yang ada dan mahu membantu lebih ramai ibu tunggal dan suri rumah sekitar kediamannya, beliau dibantu oleh lebih 60 orang ejen dan beberapa stokis untuk memperbesarkan lagi pasaran dan meningkatkan permintaan produk sulung iaitu Popia Sata Frozen ke seluruh negeri Johor, Melaka dan Kuala Lumpur. Produk beliau juga telah dipasarkan ke beberapa outlet sejuk beku di sekitar beberapa buah negeri ini. Kini, beliau mempunyai sebuah kilang memproses makanan, satu bangunan warehouse.

Perjalanan perniagaan Mama Food

Beliau percaya bahawa kualiti produk memainkan peranan penting dalam menjalankan perniagaan, selain memberikan solusi terbaik kepada sasaran pelanggan, ianya juga memberi kesan positif masa panjang. Meskipun dengan hanya satu produk sahaja mempunyai kualiti terbaik, maka ke mana saja boleh pergi ke destinasi yang ingin dituju, biarpun kita masih bergelar Usahawan Small & Medium Enterprise (SME), tetap mendapat sambutan menggalakkan. Hasil air tangan ibu tiada tandingannya, maka dengan itu, beliau memilih MAMA FOOD sebagai penjenamaan produk beliau. Tahun 2020



pastinya sangat mencabar buatnya! Syarikat Mama Food ini didaftarkan pada pertengahan 2020 dan masih berterusan membina jenama yang dipercayai seiring kualiti produk yang dihasilkan. Menariknya, Mama Food bukan sahaja sebagai pengeluar produk, malah berjaya mewujudkan Akademi Mama Food dan kini sudah mempunyai Website E-Commerce yang tersendiri, melalui usahawan.mamafood.my.

Sifat tidak berputus asa dan tidak pernah mengenal erti lelah atas usaha keras beliau selama dua tahun akhirnya membuahkan hasil apabila produk keluaran MAMA Food mendapat kepercayaan penuh oleh rakyat Johor sehinggakan ramai yang telah mendaftar sebagai ejen jualan. Ejen turut dibekalkan dengan "Marketing Kit" untuk tujuan promosi. Dengan menubuhkan website e-dagang, pendaftaran untuk menjadi ejen lebih sistematik disamping memudahkan urusan jual beli kepada pelanggan. Kesungguhan menjalankan perniagaan secara langsung dapat membantu golongan tertentu seperti ibu tunggal dan suri rumah bagi mewujudkan peluang pekerjaan kepada mereka. Melalui sokongan dan dokongan daripada pihak Pusat Keusahawanan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) sendiri, Naja Nafhan dilantik untuk mengetuai projek bersama rakan mahasiswa dan idea projek beliau terpilih sebagai Duta Jauhar Mahasiswa Harapan Masyarakat (MHM 1.0) anjuran Yayasan Pelajaran Johor (YPI) sepanjang tahun 2020 hingga 2021.

Mama Food juga mendapat sokongan daripada pelbagai jabatan kerajaan negeri, agensi tempatan dan kedai-kedai di sekitar negeri Johor seperti Jabatan Pertanian Batu Pahat & Negeri Johor, Pertubuhan Peladang Negeri Johor, Perbadanan Usahawan Johor (PUJB), Cloudswired Network dan Frozen Food. Di

samping itu, beliau turut menghadiri kursus selama 2 hari 1 malam di Melaka, banyak ilmu perniagaan yang dipelajarinya sehinggakan membuah hasil setelah dipraktikkan ke dalam perniagaan menjelang tahun 2021. Kesan costing produk yang betul, maka banyak kelebihan yang boleh dicapai serta dapat selesaikan masalah kewangan dengan mudah. Meyedari bahawa pentingnya ilmu dalam gerak kerja perniagaan, maka beliau menghadiri kelas perniagaan yang diwujudkan oleh sesama rakan niaga mahupun kelas berbayar untuk menambahkan lagi ilmu pengetahuan.



Cabaran oleh Mama Food

Setiap perniagaan tidak lari dari permasalahan dan cabaran perniagaan. Begitu juga dengan Mama Food, antara cabaran-cabaran yang terpaksa diharungi adalah:-

1. Plagiat Resepi

Mentor dan Pasukan yang komited dan kompeten sangat penting. Namun beliau perlu berhati-hati dan tegas dengan mewujudkan sistem yang baik dalam bekerja. Pernah terjadi resepi di ambil tanpa izin oleh staff sendiri yang baru bekerja selama sebulan.

2. Cabaran Pasca COVID-19

Strategi yang tersusun rapi sangat penting biarpun kita diuji dengan merudumnya ekonomi di Malaysia. Beliau percaya industri makanan boleh bertahan dengan stabil kerana ianya merupakan keperluan utama rakyat Malaysia.

3. Ilmu Perniagaan & Pemasaran

Sepanjang 2020, pelbagai kesilapan besar yang berlaku. Salah satu kesilapan beliau ialah “Menu Engineering & Costing Product”. Setiap bulan pull on jualan tetapi keuntungan tidak tinggi.

Mama Food melakar kejayaan

Kejayaan terbesar yang di lakar oleh Mama Food apabila bejaya menubuhkan Akademi Mama Food yang mana akedemi ini turut mengadakan beberapa siri kelas memasak sepanjang pasca COVID-19, antaranya seperti kelas popia otak-otak dan kelas membuat ABC, Cendol & Laksa. Akademi ini juga turut memberi peluang bagi para alumni universiti supaya mahir dalam

penyediaan makanan disamping boleh menjana pendapatan sampingan. Sehingga kini Mama Food mempunyai lebih 60 orang ejen jualan di seluruh negeri Johor, Melaka dan Kuala Lumpur. Mama Food juga tidak lupa kepada golongan yang kurang bernasib baik diluar sana, jadi inisiatif beliau adalah dengan memberi peluang pekerjaan kepada ibu tunggal dan suri rumah dalam usaha mereka dapat menyara kehidupan keluarga. Mama Food turut terlibat dengan geran peruntukan yang kendalikan oleh Yayasan Pelajaran Johor (YPJ) iaitu menyediakan geran Duta Jauhar, Perbadanan Usahawan Negeri Johor (PUJB) melalui Geran Orang Lokal (GOL) dan beberapa geran melalui program-program IPTA di seluruh Malaysia.

Mama Food mempunyai perancangan masa hadapan

Impian beliau tidak terhenti setakat itu, Mama Food kini dalam usaha untuk membangunkan syarikat menjadi SDN. BHD di samping memperbesarkan saiz syarikat bersama pekerja dan mempelbagaikan lagi produk berkualiti keluarannya. Bagi memudahkan penghantaran produk ke seluruh outlet dan ejen-ejen jualan setiap daerah dan negeri, beliau bercadang untuk membeli sebuah kenderaan sejuk beku bagi memudahkan operasi logistik. Cold Room Storage yang berharga 50 ribu ringgit diperlukan bagi memudahkan penyimpanan berskala besar serta dapat menampung pelbagai produk keluarannya. Harapan beliau satu hari nanti untuk mencapai sasaran jualan satu juta pertama. Seterusnya jualan bulanan dan tahunan meningkat sehingga mencapai tujuh angka jumlah pendapatan. Menjelang 2023, iaitu dua tahun lagi, beliau bertekad untuk mencapai status halal bagi sebarang produk keluaran Mama Food, kerana memudahkan untuk memasarkan ke peringkat antarabangsa seperti Dubai dan negara ASEAN.



Beliau menggesa kepada semua masyarakat terutamanya para pelajar yang berminat untuk menjadi usahawan dalam apa bidang sekalipun, agar meneruskan minat mereka kerana minat boleh dikembangkan dan dijadikan sebagai kerjaya bahkan mampu untuk menjana pendapatan disamping memberi peluang pekerjaan kepada orang lain. Sesuatu itu tidak akan menjadi kejayaan sekiranya kita tidak mengambil langkah pertama untuk memulakannya.

Terima kasih beliau ucapkan kepada pihak Pusat Pembangunan Keusahawanan, UIAM kerana banyak memainkan peranan penting, memberi sokongan dan nasihat yang berterusan dari awal perjalanan syarikat beliau sehingga kini, memberi peluang dan juga memberi tunjuk ajar dalam menjadikannya seorang usahawan yang berjaya mengurus selok belok perniagaan.





PENGHARGAAN

Alhamdulillah bersyukur kita ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan limpah izin dan kurnianya, sebuah buku yang memaparkan perjalanan dan kisah kejayaan usahawan mahasiswa berjaya dihasilkan. Jutaan penghargaan dan terima kasih kepada pihak YB Menteri Pengajian Tinggi kerana sentiasa memberi sokongan dan dorongan terutamanya dalam memperkasakan agenda keusahawanan dalam kalangan mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi (IPT).

Ucapan jutaan terima kasih juga dirakamkan kepada semua tenaga penggerak yang menjadi tulang belakang dan bertungkus lumus memberi kerjasama yang erat dalam menyiapkan sebuah buku *Usahawan Siswa: Memeta Haluan, Melakar Jaya*.

Sekalung penghargaan kepada Unit Keusahawanan, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) kerana memberi kepercayaan serta tanggungjawab kepada Universiti Malaysia Kelantan (UMK) untuk menghasilkan sebuah buku yang bukan sahaja memberi impak kepada pembaca malah memberi sumber inspirasi dan panduan kepada mahasiswa khususnya. Sekalung penghargaan juga dirakamkan kepada Naib Canselor, Universiti Malaysia Kelantan (UMK) atas penambahbaikan buku ini menerusi lontaran idea dan bimbingan.

Terima kasih tidak terhingga kepada semua pengarah-pengarah pusat keusahawanan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dan para penulis yang telah memberi sokongan padu dalam melahirkan naskah penulisan ini. Sekalung tahniah diucapkan kepada usahawan mahasiswa yang telah terpilih mewakili Institusi Pengajian Tinggi (IPT) masing-masing untuk dimuatkan dalam buku ini sebagai tatapan pembaca.

Tidak lupa juga kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam pembikinan buku ini. Semoga dengan penerbitan buku *Usahawan Siswa: Memeta Haluan, Melakar Jaya*, mampu menjadi panduan berguna dan mendorong pembaca terutamanya dalam kalangan mahasiswa untuk lebih cenderung menjadi seorang usahawan samada semasa mereka masih belajar mahupun setelah bergraduasi kelak.



INDEKS

A

AB Chochojar, 31
Abris Bread, 42
Aiskrim, 55
Aplikasi atas talian, 106
Aragorn Rich Sdn. Bhd., 192

B

Bakery WMH Enterprise, 58
Bangsawan picture, 124
Beyo Beauty, 109
Bidang perniagaan, 39, 49
Bimbingan, 39, 221
BinaModern Enterprise, 260
Business Model Canvas, 38
Buy Stationary Sdn. Bhd., 227

C

Cabaran, 25, 32, 45, 60, 67, 104, 109, 118, 127, 132, 138, 144, 150, 164, 176, 183, 189, 194, 202, 210, 216, 222, 228, 232, 241, 249, 262
Cawangan, 28
Citarasa 7

D

Dropship, 65
Dunia perniagaan 26
Dwans Collection, 239

E

Ejen, 6, 11, 26
Ekonomi, 26
ExAR Technologies, 148

F

Farah JK Empire, 36



Fotografi dan videografi, 124-141

G

GetRunner, 168
Graduan, 49,

H

Hala tuju, 28, 56, 68, 128, 133, 152, 233
Hash Cream, 55
Hijanah Haul, 246

I

Ibupreneur, 162
Idea, 17, 66, 120, 150, 163
Ikon keusahawanan, 52, 68
Ilmu perniagaan, 32, 120
Impian, 8, 112
Inspirasi, 262
Inisiatif 7

J

Job creator, 57

K

Kejayaan, 26, 33, 40, 45, 50, 56, 61, 68, 112, 118, 127, 133, 139, 146, 151, 157, 165, 178, 183, 189, 195, 204, 210, 217, 222, 228, 232, 244,250
Kejujuran, 14
Kelas Shopee, 39
Kepercayaan, 17
Kerugian, 33
Kesihatan, 102-107
Keunikan, 17, 37, 106
King Oden
Kiosk, 23, 87, 261
KL Eternity Enterprise, 154
Kompetensi 42
Kopi segera, 65
Kosmetik, 90-101, 108-113
Kreatif, 254-265
Kritikan, 31



L

LK-Legacy, 180

M

MA Automobile, 186

Makanan, 22-63, 70-87

Mama Food, 70

Manir Store, 221

Mentor perniagaan, 7

Meziah Jamal Couture, 266

Minuman, 64-69

Mitez Solutions, 142

Modal perniagaan, 50,

Modal, 18, 223, 269

Motivasi, 7

N

Nasihat, 199

P

Pandemik covid-19, 34, 129, 249

Pantang Plus, 102

Pelanggan, 14

Peluang, 262

Pendapatan, 28, 67, 83, 163, 200, 261

Pengalaman, 12, 43

Pengeluaran, 35

Pengiktirafan, 140

Perancangan, 121

Perintah Kawalan Pergerakan, 129, 193, 242, 255

Perjalanan perniagaan, 149, 150, 164

Perkhidmatan, 162- 191

Permintaan, 6, 38

Perniagaan offline, 65

Persaingan, 51, 104, 134, 170, 182, 186, 195, 203, 242, 257, 268

Peruncitan, 200- 235

Pesaing, 6

Platform, 38

Plnt. Co. Sdn. Bhd., 255

Produk, 12,14, 23, 31, 44, 46, 52, 110

Pelanggan, 24, 33, 37,49,55, 66, 71, 78, 83, 92, 98, 104, 105, 110, 118, 121, 127, 131, 144, 149, 155,



173, 182, 187, 193, 201, 207, 215, 221, 228, 233, 239, 242,255, 261, 267
Program Keusahawanan, 50, 66
Proses, 38

Q

Qalyma Global, 116

R

Resepi, 23, 37, 56, 73, 78
Risiko, 109, 157

S

S Production Sdn. Bhd., 137
SBS Agroternak Trading, 206
Sistem ejen, 26, 32
Sokongan, 268
Stokis, 34
Strategi, 33, 68
Sumbangan, 26
Sushi, 49
Syahiran Global Resources, 231

T

Teknologi, 116-123, 142-159
Tekstil, 238-253, 266-271
The Kacak, 200
The Pino Production, 130
TokkMungg, 212



U

Umrah, 100
Universiti, 19
Usaha, 49, 67
Usahawan, 8, 21,30, 42, 91, 249
U-star, 118

Z

Zahemas Utara Enterprise, 64





USAHAWAN SISWA

MEMETA HALUAN, MELAKAR JAYA

aktiviti penyelidikan dan latihan serta kemahiran di kesemua Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Malaysia supaya ia mampu menjadi platform untuk melahirkan dan mencipta para graduan berminda keusahawanan kelas pertama. Penglibatan mahasiswa dalam aktiviti keusahawanan telah memberi nilai tambah bukan sahaja dalam bidang berkaitan semata-mata, namun ia juga turut mendedahkan mereka dengan pelbagai kemahiran keusahawanan melalui penciptaan produk dan perkhidmatan baharu sekali gus menyokong pembangunan dan pertumbuhan ekonomi negara serta menjadi pencipta pekerjaan (*job creator*).

Selari dengan matlamat Pelan Tindakan Keusahawanan IPT 2021–2025, buku ini telah digarap berdasarkan enam kategori utama perniagaan berteraskan inovasi dan teknologi iaitu perniagaan kosmetik dan kesihatan, perkhidmatan fotografi dan audiografi, produk makanan dan minuman, aktiviti peruncitan, bidang seni kreatif dan tekstil serta perkhidmatan pengkhususan. Seramai 39 usahawan dalam kalangan mahasiswa dan graduan yang berjaya menempa nama dengan meraih pelbagai anugerah dan kejayaan melalui pembentukan inovasi produk, proses, pemasaran, peralatan dan pembungkusan melalui pemikiran kreatif dan inovatif. Selain itu, buku ini turut menceritakan tentang perjalanan suka dan duka mereka sepanjang bergelar usahawan yang boleh dijadikan iktibar dan contoh tauladan yang baik kepada individu yang ingin menceburkan diri dalam dunia keusahawanan. Semoga penerbitan buku **Usahawan Siswa: Memeta Haluan, Melakar Jaya** ini, mampu menjadi wadah ilmu yang berguna sekali gus menjadi perangsang kepada jiwa-jiwa yang dahagakan perubahan dan menjadi inspirasi khususnya kepada para mahasiswa untuk menerokai bidang keusahawanan sebagai satu kerjaya pilihan.



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

**No. 2, Tower 2,
Jalan P5/6, Precinct 5,
62200 Putrajaya, Malaysia**

Pembentukan masyarakat Malaysia yang berpemikiran keusahawanan merupakan asas dalam menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara keusahawanan unggul menjelang 2030. Penerapan budaya keusahawanan melalui pelaksanaan enam Teras Strategik di bawah Dasar Keusahawanan Negara (DKN) merupakan pemangkin kepada proses transformasi ekonomi inklusif dan komuniti keusahawanan negara. Sejarar dengan hasrat kerajaan melalui pembentukan DKN yang melibatkan pelaksanaan program pembangunan keusahawanan yang merangkumi kemudahan pembiayaan, pembangunan infrastruktur,

ISBN 978-967-2912-70-5



9 78 967 2912 70 5